

Maslahah Yang Bersumberkan Sunnah Nabawiyyah dan Pengaplikasiannya dalam Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah Akibat Covid-19

Maslahah Sourced from Sunnah Nabawiyyah and its Application in the Guidelines for School Reopening Due to Covid-19

Afnan Faiz Ridzuan Ahmad*, Jasni Sulong

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.

**Corresponding author: afnanfaiz@student.usm.my*

Article history

Received: 2020-08-17 Received in revised form: 2021-01-05 Accepted: 2021-01-09 Published online: 2021-06-30

Abstract

The Movement Control Order (MCO) was declared by the Malaysian Government on 18 March 2020 to avoid the transmission of the Covid -19 infection. The MCO was continued until phase four and then commenced to the Conditional Movement Control Order (CMCO) which was less restrictive starting 4 May 2020. For the first two months of the implementation of the MCO, all business premises, places of worship and educational institutions were closed totally to the public. schools were reopened in stages during the CMCO following the advice of the Ministry of Health (MOH). The objective of this research is to do an analysis of the *maslahah* element which was applied in the management of the reopening of schools according to the *Sunnah Nabawiyyah* perspective. This research was conducted using the qualitative method which involved literature and field research. By analyzing the primary documents released by the Ministry of Education (MOE) and the feedback posted by the mass media, the research found that the *maslahah* element such as *maslahah daruriyyah*, *dunyawiyyah* and *kbassab* are already implemented by the MOE in the preparation of School Reopening Management Guidelines. This element was aimed specifically in order to safeguard the health and the well-being of the students and the teachers. Even though education is important and mandatory for all, yet the constraints faced by the people concerned are equally important. Thus, the Standard Operating Procedure (SOP) is for the sake of making sure the well-being of school community is assured from the disease. Therefore, the guidelines of school reopening are in line with the Islamic approach based on the discussion of *maqasid al-syari'ah* which is to realize *maslahah* for human beings and avoiding any bad circumstances.

Keywords: Maslahah, education, students, covid-19

Abstrak

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diisytiharkan oleh Kerajaan Malaysia bermula pada 18 Mac 2020 yang bertujuan untuk membendung penularan jangkitan Covid-19. PKP berterusan sehingga fasa keempat sebelum diteruskan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang lebih ringan yang bermula pada 4 Mei 2020. Pada dua bulan pertama pelaksanaan PKP, semua premis perniagaan, rumah ibadat dan institusi pendidikan telah ditutup sepenuhnya. Sekolah mula dibuka semula secara berperingkat-peringkat apabila bermula Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan setelah mendapat nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis elemen *maslahah* yang diaplikasikan dalam pengurusan pembukaan semula sekolah menurut perspektif sunnah nabawiyyah. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif iaitu kajian secara kepustakaan dan penelitian melalui lapangan. Menerusi analisis terhadap dokumen-dokumen primer yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan maklumbalas yang disiarkan melalui media massa, kajian mendapati elemen *maslahah* sama ada masalah *daruriyyah*, *dunyawiyyah* dan *kbassab* telah diaplikasikan oleh KPM dalam penyediaan Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah. Semua masalah ini sangat dititikberatkan dalam pengurusan pembukaan

semula sekolah khususnya dalam menjamin kesihatan para pelajar dan guru-guru. Sekalipun ilmu adalah penting dan menuntutnya adalah wajib, kekangan yang dihadapi untuk melaluinya juga adalah penting yang mesti dipelihara. Semua *Standard Operating Procedure* (SOP) ini adalah bertujuan memastikan kemaslahatan semua warga sekolah terjamin dan mereka terhindar daripada wabak penyakit Covid-19.

Justeru, garis panduan pembukaan sekolah ini selaras dengan pendekatan Islam dalam perbincangan *maqasid al-syari'ah* iaitu merealisasikan *maslahah* untuk manusia dan menjauhi daripada sebarang keburukan

Keywords: *Maslahah*, pendidikan, pelajar, covid-19.

1.0 PENDAHULUAN

Malaysia telah diberi pengiktirafan sebagai antara negara yang terbaik dalam membendung dan mengekang penularan Covid-19. Atas pencapaian ini, dua anugerah *The BrandLaureate Awards* telah diberikan kepada Ketua Pengarah Kesihatan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu masing-masing menerima anugerah *Outstanding BrandLeadership Award 2020* dan juga anugerah *The BrandLaureate Award – Certificate of Recognition and Appreciation* oleh The World Brands Foundation. Kejayaan ini dapat dilihat berdasarkan kes positif terkini pada 23 Julai 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu hanya 9 kes sahaja. Negara pernah mencatat angka positif harian tunggal selama lebih daripada 14 hari. Statistik keseluruhan adalah 8,840 kes dan jumlah kes yang sudah sembuh adalah 8,574 serta jumlah kematian disebabkan Covid-19 adalah 123 kes. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia juga telah mengumumkan bahawa kluster terbesar di negara ini iaitu kluster Perhimpunan di Masjid Seri Petaling telah tamat pada hari tersebut.

Pemulihan yang cepat ini mencatatkan tiada lagi jangkitan wabak didapati berlaku dalam kalangan rakyat tempatan. Rakyat Malaysia telah menonjolkan sikap disiplin dan mematuhi arahan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Pematuhan itu dapat dilihat pada dua bulan pertama pelaksanaan PKP iaitu semua premis perniagaan, rumah ibadat dan institusi pendidikan kerajaan dan swasta telah ditutup sepenuhnya. Untuk kelangsungan proses pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan arahan kepada semua guru supaya menjalankan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Walau bagaimanapun, proses (PdP) secara dalam talian kurang efektif disebabkan beberapa kekangan seperti kemudahan komputer dan internet yang terbatas dalam kalangan pelajar dan bagi liputan di kawasan-kawasan tertentu. Bagi mengatasi masalah tersebut, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah. Garis panduan ini adalah sebagai persiapan awal untuk sekolah mula dibuka semula secara berperingkat-peringkat.

Namun, timbul kekusaran dalam kalangan masyarakat terutama guru berkaitan garis panduan tersebut. Beban tugas guru semakin bertambah dengan penyediaan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPM seperti mengambil dan merekod suhu pelajar serta memastikan jarak antara pelajar adalah 1 meter semasa sesi pembelajaran dan pengajaran. Persediaan rapi juga perlu dilakukan oleh pihak sekolah seperti menyediakan sabun atau *hand sanitizer*. Justeru, artikel ini memfokuskan perbincangan kepada pengaplikasian elemen-elemen *maslahah* yang bersumberkan sunnah nabawiyah dalam Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah yang mana garis panduan tersebut telah diperakukan oleh KKM dan mendapat kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

2.0 MASLAHAH DARI PERSPEKTIF SUNNAH NABAWIYYAH

Maslahah dari segi bahasa ialah kebaikan atau memperbaiki sesuatu setelah perkara tersebut mengalami kerosakan (Ibn Manzur, t.t). Manakala *maslahah* pada sudut istilah syarak pula adalah

setiap manfaat yang dikehendaki oleh Allah SWT terhadap hamba-hambanya (al-Buti, 1977). Kategori *maslahah* dari aspek kepentingan kepada manusia terdiri daripada *daruriyyah*, *hajjiyyah* dan *tahsiniiyyah*. Kedudukan tertinggi adalah *maslahah daruriyyah* iaitu *maslahah* yang perlu dipelihara demi kemaslahatan hidup dan ketiadaannya akan menyebabkan kerosakan kepada manusia (al-Shatibi, 2011). Menurut al-Subki pula *maslahah daruriyyah* terdiri daripada pemeliharaan kepada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Zuhayli, Muhammad, 2002).

Pengutusan Rasulullah SAW adalah bertujuan memberi rahmat kepada sekalian alam (al-Anbiya': 21: 107). Rahmat ini tercapai menerusi dua cara iaitu merealisasikan *maslahah* dan menolak keburukan. *Maslahah* dalam pemeliharaan nyawa dapat dilihat berdasarkan gesaan Rasulullah SAW agar membunuh binatang yang memudaratkan manusia. Ini berdasarkan hadith riwayat al-Bukhari:

خَمْسٌ فَوَاسِقٌ يُقْتَلْنَ فِي الْحَرَمِ الْفَأْرَةُ وَالْعُقْرَبُ وَالْحَدْيَا وَالْغُرَابُ وَالْكَلْبُ الْعَمُورُ

Terjemahan: Lima binatang perosak yang harus dibunuh ketika di Tanah Haram iaitu tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak dan anjing liar.

Menurut Ibn Qudamah (1984), lima binatang ini boleh diqiyaskan kepada semua jenis binatang yang membahayakan fizikal manusia dan juga merosakkan harta benda mereka. Binatang-binatang yang juga harus dibunuh berdasarkan kemerbahayaan mereka kepada manusia adalah seperti serigala, singa dan harimau kerana boleh menyebabkan kecederaan dan kematian. Justeru, membunuh binatang liar ini adalah termasuk dalam mendatangkan maslahat kepada manusia dan menjauhan daripada mudarat atau mafsadah. Begitu juga teguran Rasulullah SAW agar penduduk Madinah mematikan api sebelum tidur, adalah bertujuan mendatangkan maslahat dan menolak mudarat. Ini bertujuan supaya tiada kebakaran yang berlaku ketika sedang tidur yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa dan kecacatan anggota badan. Perkara ini diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang mana Rasulullah SAW telah bersabda:

إِنَّ هَذِهِ النَّارَ إِيمًا هِيَ عَدُوٌّ لَكُمْ فَإِذَا نِمْتُمْ فَأَطْفِئُوهَا عَنْكُمْ

Maksudnya: Sesungguhnya api ini. Sesungguhnya dia adalah musuh bagi kamu semua. Apabila kamu hendak tidur maka matilah api daripada kamu.

Menurut al-Nawawi, tindakan mematikan api adalah bertujuan menjaga nyawa yang menjadi maslahat *daruriyyah*. Pandangan yang selari didapati dalam perbincangan oleh al-Qurtubi bahawa saranan Rasulullah SAW dalam hadith tersebut adalah supaya manusia selamat daripada sebarang mala petaka yang buruk (al- 'Asqalani, t.t).

Kemaslahatan kepada manusia selain berkaitan isu keselamatan, juga amat berkaitan dengan memelihara kesihatan. Justeru, kebersihan diri merupakan cara untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan dan terhindar daripada sebarang penyakit. Islam amat mementingkan kesihatan sehingga umat Islam diwajibkan bersuci melalui mengangkat hadas kecil (berwuduk). Mereka dikehendaki suci daripada najis dan hadas untuk mendirikan solat fardu sebanyak lima kali sehari (al-Syarbini, 2018). Keperluan bersuci (wuduk) ini menjadi prasyarat kepada penerimaan solat seperti hadith Rasulullah SAW yang berbunyi:

لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طُهُورٍ

Maksudnya: Tidak diterima solat dengan tanpa wuduk. (Riwayat Muslim)

Umat Islam juga digalakkan mandi apabila berada dalam perhimpunan orang ramai. Mereka disunatkan mandi apabila hendak menunaikan solat fardu Jumaat di masjid. Ini bertujuan memberi kesegaran kepada individu tersebut dan orang sekeliling mereka juga akan berasa selesa kerana tiada bau badan yang kurang menyenangkan. Rasulullah menerangkan perkara ini dalam hadith riwayat Bukhari:

حَقٌّ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ أَنْ يَغْتَسِلَ فِي كُلِّ سَبْعَةِ أَيَّامٍ يَوْمًا يَغْسِلُ فِيهِ رَأْسَهُ وَجَسَدَهُ

Maksudnya: Hak keatas setiap muslim adalah mandi pada setiap tujuh hari, satu hari (Jumaat). Dia membasuh kepalanya dan badannya pada hari tersebut.

Rasulullah SAW juga telah menunjukkan contoh tauladan berkaitan penjagaan kebersihan. Tindakan Rasulullah SAW membasuh anggota tubuh badan termasuk anggota sulit selepas bersama isteri Baginda adalah bertujuan membasmi kuman yang boleh mengakibatkan penyakit. Oleh sebab itu, seseorang yang berjunub perlu memastikan tubuh badannya bersih terlebih dahulu sebelum tidur. Perkara ini dijelaskan oleh Aisyah RA yang diriwayatkan oleh Bukhari:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَنَامَ وَهُوَ جُنُبٌ غَسَلَ فَرْجَهُ وَتَوَضَّأَ لِلصَّلَاةِ

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi SAW apabila hendak tidur dan Baginda dalam keadaan berjunub maka Baginda akan membasuh kemaluannya dan berwuduk (seperti) hendak solat.

Menurut al-‘Asqalani (t.t), Rasulullah SAW telah berwuduk seperti hendak solat iaitu membasuh semua anggota wuduk. Perkara ini dilakukan oleh Rasulullah SAW walaupun Baginda bukan hendak menunaikan solat adalah disebabkan untuk memastikan tubuh badan terhindar daripada bakteria yang mudah merebak atas permukaan kulit yang kotor. Sunnah nabawiyah juga menyarankan kepada manusia agar sentiasa berusaha untuk menjaga kebersihan mulut demi memperolehi *maslahah duniyawiyyah*. *Maslahah* ini dapat dicapai melalui cara sentiasa menggosok gigi setiap kali hendak solat kerana seseorang itu akan terhindar daripada penyakit akibat kuman berada dalam mulut. Rasulullah SAW bersabda:

لَوْلَا أَنْ أَشَقُّ عَلَى أُمَّتِي أَوْ عَلَى النَّاسِ لَأَمَرْتُهُمْ بِالسِّوَاكِ مَعَ كُلِّ صَلَاةٍ

Maksudnya: Sekiranya tidak menyusahkan ke atasnya umatKu atau ke atas manusia, nescaya Aku akan perintahkan mereka bersiwak setiap kali hendak solat. (Riwayat Bukhari)

Rasulullah SAW juga gemar memakan madu yang merupakan penawar kepada manusia. Madu mempunyai *maslahah* yang tersendiri iaitu berfungsi untuk mengelak tubuh badan manusia daripada terkena penyakit-penyakit (al-Sabuni, 2002). Aisyah RA menceritakan bahawa:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحِبُّ الْحُلْوَاءَ وَالْعَسَلَ

Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah SAW suka memakan manisan-manisan dan madu. (Riwayat Bukhari)

Selain itu, Rasulullah SAW menyarankan meminum madu sebagai ikhtiar untuk mengubati penyakit. Perkara ini telah diceritakan oleh Abi Sa'id berkaitan seorang lelaki yang mengadu sakit perut. Rasulullah SAW telah mencadangkan kepada beliau sebanyak tiga kali agar berubat dengan cara meminum madu. Hadith tersebut telah diriwayatkan oleh Bukhari:

أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَخِي يَشْتَكِي بَطْنَهُ فَقَالَ اسْقِهِ عَسَلًا ثُمَّ أَتَى الثَّانِيَةَ فَقَالَ اسْقِهِ عَسَلًا ثُمَّ أَتَاهُ الثَّلَاثَةَ فَقَالَ اسْقِهِ عَسَلًا ثُمَّ أَتَاهُ فَقَالَ قَدْ فَعَلْتُ فَقَالَ صَدَقَ اللَّهُ وَكَذَبَ بَطْنُ أَخِيكَ اسْقِهِ عَسَلًا فَسَقَاهُ فَبُرَأَ

Maksudnya: Sesungguhnya seorang lelaki telah datang berjumpa Nabi SAW. Maka Abi Sa'id telah berkata: Saudaraku sedang menderita sakit perut. Rasulullah bersabda: “Berikan dia minum madu”. Kemudian dia datang untuk kali kedua. Maka Baginda bersabda: “Berikan dia minum madu”. Kemudian dia datang untuk kali ketiga. Maka Baginda bersabda: “Berikan dia minum madu. Kemudian dia datang lagi sambil berkata: aku telah melakukannya. Maka Baginda bersabda: “Maha benar Allah dan perut saudaramulah yang berdusta”. Lalu dia pun meminum madu dan akhirnya dia sembuh.

Madu berfungsi membersihkan usus daripada sebarang kotoran. Menurut al-‘Asqalani (t.t), luka akibat gigitan anjing akan cepat sembuh apabila seseorang itu meminum madu bersama air kosong. Selain itu, madu juga bagus untuk pencernaan dan membantu kepada kelancaran ketika membuang air kecil dan besar. Justeru, masalah sembelit dapat diatasi dengan pengamalan meminum madu. *Maslahah* dalam aspek pemeliharaan nyawa juga tercapai menerusi pemilihan pemakanan yang berkhasiat. Makanan yang berkhasiat akan memberi kemaslahatan kepada tubuh badan manusia untuk melawan penyakit. Justeru, seseorang itu hendaklah mengamalkan pemakanan yang halal dan berkhasiat secara berterusan dan berdisiplin. Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ تَصَبَّحَ كُلَّ يَوْمٍ سَبْعَ تَمَرَاتٍ عَجْوَةٍ لَمْ يَضُرَّهُ فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ سُمٌّ وَلَا سِحْرٌ

Maksudnya: Sesiapa setiap pagi memakan tujuh biji kurma ajwah maka dia terhindar daripada racun dan sihir. (Riwayat Bukhari)

Menurut al-Nawawi (t.t), kurma ajwah yang ditanam di Madinah Munawwarah mempunyai khasiat khusus berbanding kurma-kurma di tempat yang lain. Begitu juga penetapan tujuh biji kurma yang disebut oleh Rasulullah adalah perkara yang tidak terjangkau oleh akal kerana termasuk dalam urusan *ta'abbudi* seperti penentuan bilangan rakaat solat dan nisab zakat. Justeru, seseorang yang ingin mengekalkan kesihatan tubuh badan dan terhindar daripada racun dan sihir maka mereka perlu sentiasa memakan kurma ajwah pada setiap hari.

3.0 COVID-19 DAN PETUNJUK DARIPADA SUNNAH NABAWIYYAH

Syariat Islam yang disampaikan oleh Rasulullah SAW adalah menyeluruh melengkapinya semua aspek kehidupan manusia termasuk petunjuk berkaitan penyakit berjangkit. Umat Islam diperintahkan agar beramal dengan syariat secara keseluruhan tanpa memilih-milih berdasarkan kesukaan hawa nafsu. Rasulullah SAW telah memberi panduan kepada manusia dalam berhadapan dengan wabak penyakit yang berjangkit. Panduan ini bertujuan agar penularan wabak penyakit tersebut dapat dihentikan. Rasulullah SAW bersabda yang berbunyi:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

Maksudnya: “Apabila kamu mendengar berita terdapat wabak taun di sesuatu tempat, maka jangan kamu masuk ke tempat tersebut. Demikian juga jika kamu sememangnya berada di tempat tersebut, maka jangan kamu keluar daripadanya”. (Riwayat Bukhari)

Menurut Syeikh ‘Awwamah, taun yang disebut oleh Rasulullah SAW tidak terhad kepada penyakit kolera sahaja tetapi merujuk kepada semua jenis penyakit yang bersifat wabak dan melanda sesuatu kawasan. Kaedah untuk mengelak semua jenis penyakit wabak adalah seperti saranan Rasulullah SAW untuk penyakit taun iaitu secara kuarantin. Oleh sebab Coronavirus juga merupakan penyakit yang bersifat wabak dan mudah tersebar, maka kaedah pencegahannya adalah sama seperti dalam hadith tersebut (Zulkifli Mohamad, 2020).

Coronavirus (CoV) adalah sejenis penyakit yang sama seperti virus SARS (*Severe Acute Respiratory Syndrome*) dan MERS Cov (*Middle Eastern Respiratory Syndrome*). Kesemua virus ini berasal daripada keluarga yang sama iaitu Coronaviridae yang akan menyebabkan penghidapnya demam dan selesema atau *flu*. Perkataan Covid-19 adalah akronim kepada Co untuk Corona, Vi untuk virus dan D untuk *disease* (penyakit). Angka 19 pula merujuk kepada virus ini mula dikesan pada tahun 2019 iaitu kes pertama adalah pada 31 Disember 2019 di Wuhan, China (KKM, 2020).

Berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pandemic Covid-19 boleh berjangkit melalui tiga cara iaitu menerusi cecair apabila seseorang itu bersin atau batuk. Cara kedua adalah apabila seseorang itu bersentuhan dengan pesakit Covid-19 tanpa berlapik. Manakala cara ketiga penularan boleh berlaku apabila seseorang itu menyentuh tempat yang sudah tercemar dengan virus Covid-19 (KKM, 2020). Perkara ini pada hakikatnya tidak bercanggah dengan hadith riwayat Bukhari melalui sanad Abdullah bin Muhammad yang berbunyi

لا عَدُوِي yang bermaksud tiada penyakit yang berjangkit. Ini kerana hadith ini telah ditafsirkan oleh hadith lain yang juga diriwayatkan oleh Bukhari menerusi jalur Abu al-Yaman. Rasulullah SAW bersabda:

لَا تُورِدُوا الْمُمْرَضَ عَلَى الْمُصِحِّحِ

Maksudnya: Jangan kamu mencampurkan orang yang sihat dengan orang yang sakit.

Kefahaman daripada kedua-dua hadith ini adalah sesuatu penyakit itu tidak berjangkit jika tiada sebarang faktor-faktor penyumbang tetapi penyakit boleh berjangkit apabila terdapat faktor penyumbang seperti apabila kuarantin tidak diamalkan iaitu berlaku perhubungan sosial antara orang ramai dengan pesakit. Oleh sebab Covid-19 boleh berjangkit menerusi cecair yang keluar daripada mulut, kita hendaklah mengikuti tatacara bersin yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Abu Hurairah telah meriwayatkan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا عَطَسَ غَطَّى وَجْهَهُ بِيَدِهِ أَوْ بِتَوْبِهِ وَعَضَّ بِهَا صَوْتَهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya Rasulullah SAW apabila bersin maka Baginda akan menutup muka dengan tangannya atau kain serta merendahkan suaranya. (Riwayat Tirmizi)

PKP yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia di bawah akta Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 adalah selari dengan sunnah nabawiyah. Orang ramai tidak dibenarkan berada di luar rumah tanpa sebarang tujuan yang munasabah. Rasulullah SAW bersabda dalam hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari:

وَوَرَّ مِنْ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ

Maksudnya: larilah daripada penyakit berjangkit seperti mana kamu lari daripada singa

Petunjuk daripada sunnah nabawiyah juga dapat dikesan berkaitan keluar daripada rumah ketika musim musibah. Ketakutan pakaian dicemari lumpur ketika hujan sudah menjadi keuzuran syarak bagi seseorang individu daripada menunaikan solat berjemaah di masjid. Ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Muslim:

أَنَّهُ قَالَ لِمُؤَدِّنِهِ فِي يَوْمِ مَطِيرٍ إِذَا قُلْتَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ فَلَا تَقُلْ حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ قُلْ صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ قَالَ فَكَأَنَّ النَّاسَ اسْتَنْكَرُوا ذَلِكَ فَقَالَ أَتَعْجَبُونَ مِنْ ذَا قَدْ فَعَلَ ذَا مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنِّي إِنَّ الْجُمُعَةَ عَزَمَةٌ وَإِنِّي كَرِهْتُ أَنْ أُخْرِجَكُمْ فَنَمَشُوا فِي الطَّيْنِ وَالذَّخْضِ

Maksudnya: Sesungguhnya Ibn Abbas telah berkata kepada muazzinya pada hari hujan: “Apabila kamu berkata اللَّهُ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ maka janganlah engkau berkata حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ tetapi katakanlah صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ. Dia berkata: “orang ramai seolah-olah mengingkari perkara tersebut. Maka dia berkata: “adakah kamu semua berasa pelik. Sesungguhnya perkara ini telah dilakukan oleh individu yang lebih baik daripada aku. Sesungguhnya solat Jumaat itu wajib tetapi aku tidak suka kamu semua keluar dan diseliputi tanah dan lumpur.

Justeru, ketakutan kepada penularan wabak Covid-19 ini lebih utama untuk orang ramai terus berada di rumah berbanding hujan lebat berdasarkan kaedah *qiyas aula* (al-Zuhayli, Wahbah, 2004). Selain itu, rakyat Malaysia juga dikehendaki mengelak daripada 3S iaitu sempit, sesak dan sembang dekat kerana vaksin untuk Covid-19 belum ditemui lagi oleh para saintis (Perdana Menteri, 2020). Sekarang mereka sedang melakukan penyelidikan di makmal-makmal bagi menghasilkan vaksin untuk penyakit ini. Usaha mereka ini bertepatan dengan sabdaan Rasulullah SAW yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat, dan menjadikan bagi setiap penyakit terdapat ubatnya, maka berubatlah dan jangan berubat dengan sesuatu yang haram. (Riwayat Abu Daud)

Sebagai umat Islam, kita juga digesa supaya membanyakkan doa kepada Allah SWT agar dilindungi daripada penyakit berbahaya ini. Antara doa yang boleh diamalkan adalah doa *ma'thur* yang pernah dibacakan oleh Rasulullah SAW:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan Engkau daripada penyakit kusta, gila, sopak dan penyakit-penyakit yang buruk”. (Riwayat Abu Daud)

4.0 PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

WHO telah mengumumkan bahawa pandemik Covid-19 telah merebak ke 135 buah negara. Termasuklah Malaysia, langkah pencegahan daripada penularan wabak tersebut telah diambil oleh kerajaan. Sehubungan itu, sebagai langkah proaktif berdasarkan surat yang dikeluarkan oleh KPM bertarikh 13 Mac 2020, perhimpunan yang melibatkan skala besar perlu ditangguhkan seperti perhimpunan sekolah, aktiviti sukan dan kokurikulum serta mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Bagi membendung penularan wabak tersebut, PKP telah diisytiharkan oleh Kerajaan Malaysia di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. PKP ini bermula dengan fasa 1 pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020, fasa 2 pada 1 April 2020 sehingga 14 April 2020 dan fasa 3 pada 15 April sehingga 28 April serta fasa 4 pada 29 April sehingga 12 Mei. Sepanjang tempoh PKP, semua sekolah ditutup dan semua warga sekolah tidak dibenarkan ke sekolah (Perdana Menteri, 2020). Walau bagaimanapun, pelajar Kolej Matrikulasi dan Institusi Pendidikan Guru yang belum pulang dikehendaki terus kekal di asrama dan pihak pengurusan kampus dan asrama akan bertanggungjawab berkaitan kebajikan mereka (KPM, 2020).

Bagi memastikan proses pendidikan terus berjalan, KPM telah mengarahkan semua guru agar proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dijalankan secara dalam talian dengan mengakses bahan-bahan PdP melalui portal MOE-DL. Bahan-bahan tersebut boleh diakses sepanjang masa dan adalah percuma. Mereka boleh mengikuti PdP secara maya dengan mengakses EduwebTV dan video CikgooTube serta mendapatkan buku teks digital (KPM, 2020).

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula pada 13 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020, Pengetua/Guru Besar dan semua pentadbir serta guru-guru dibenarkan hadir ke sekolah apabila terdapat keperluan. Namun begitu, kehadiran guru ke sekolah hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan pentadbir sekolah. Pihak pentadbir sekolah juga perlu memastikan kehadiran guru adalah dalam tahap minimum pada satu-satu masa yang bertujuan agar tidak berlaku perhimpunan skala besar. Justeru, semua guru dinasihatkan untuk terus menjalankan PdP dari rumah (KPM, 2020).

5.0 KEMASLAHATAN PELAJAR DALAM PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN

Semua pihak terutama pihak pentadbir, guru, ibu bapa dan murid perlu mematuhi Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah yang telah dikeluarkan oleh pihak KPM. Pembukaan sekolah adalah secara berperingkat dengan dimulai oleh pelajar yang terlibat dengan peperiksaan awam iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada 24 Jun 2020. Pelajar tingkatan satu hingga empat sekolah harian dan murid sekolah rendah tahun lima dan enam memulakan persekolahan lebih awal iaitu pada 15 Julai 2020. Manakala murid tahun satu hingga empat sekolah rendah hanya mula bersekolah seminggu selepas itu, iaitu pada 22 Julai 2020 (Menteri Pendidikan, 2020). Untuk pelajar tingkatan satu hingga tiga sekolah berasrama iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Sukan Malaysia (SSM), Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan Sekolah Seni Malaysia (SSeM), mereka akan mula bersekolah lebih lewat iaitu pada 3 Ogos 2020 (KPM, 2020).

Pembukaan semula sekolah adalah bertujuan memelihara *maslahah daruriyyah* berkaitan akal. Pembelajaran dan proses menuntut ilmu merupakan medium untuk memelihara akal agar terus berfungsi dalam melahirkan generasi ulil albab (Al-Kabaysi, 2017). Golongan ilmuwan yang semakin

berkurangan merupakan satu kerosakan kepada kehidupan manusia. Ini berdasarkan hadith riwayat Bukhari. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ حَتَّى إِذَا لَمْ يُبْقِ عَالِمًا
اتَّخَذَ النَّاسُ رُءُوسًا جُهَالًا فَسُئِلُوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak mencabut ilmu secara merentap iaitu Allah merentapnya daripada hamba-hambaNya. Namun Allah mencabut ilmu dengan dimatikan ulama sehingga tiada lagi orang alim. Maka manusia menjadikan orang-orang jahil sebagai ketua. Maka apabila ditanya maka mereka mengeluarkan fatwa tanpa ilmu maka mereka sesat dan menyesatkan.

Sehubungan itu, untuk melicinkan pembukaan semula sekolah berdasarkan surat pemakluman bertarikh 4 Jun 2020, semua guru sekolah kumpulan A perlu hadir di sekolah pada 7 Jun 2020 dan guru sekolah kumpulan B pula perlu hadir pada 8 Jun 2020. Ini kerana, pentadbir sekolah yang terdiri daripada Pengetua/ Guru Besar dan Penolong-penolong Kanan perlu memastikan sekolah dalam selamat untuk pengoperasian setelah ditutup mulai 16 mac 2020. Mereka juga bertanggungjawab memastikan hanya murid dan guru serta warga sekolah yang sihat dan tidak bergejala seperti demam, batuk dan sakit tekak sahaja yang boleh hadir ke sekolah (KPM, 2020). Peraturan yang dibuat oleh KPM adalah bertujuan merealisasikan *maslahah daruriyyah* dalam pemeliharaan nyawa. Pelajar yang kurang sihat perlu mendapatkan rawatan terlebih dahulu sebelum boleh hadir ke sekolah untuk PdP secara bersemuka. Rawatan oleh pengamal perubatan ini selari dengan tindakan Rasulullah S.A.W yang menghantar pengamal perubatan untuk memeriksa Ubay bin Ka'ab. Jabir RA meriwayatkan bahawa:

بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى أَبِي بِنِ كَعْبٍ طَبِيبًا فَمَقَّطَعَ مِنْهُ عِرْقًا ثُمَّ كَوَّاهُ عَلَيْهِ

Maksudnya: Rasulullah SAW telah mengutuskan kepada Ubay bin Ka'b seorang pengamal perubatan. Maka pengamal perubatan tersebut telah membedah uratnya dan kemudian menyuntiknya dengan besi panas. (Riwayat Muslim)

Persediaan dengan perawat ini juga selari dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Barangsiapa di kalangan kamu yang mampu memberikannya manfaat (menyembuhkan) saudaranya maka lakukanlah. (Sahih Muslim)

Guru pula perlu melaksanakan PdP berdasarkan norma baharu iaitu setiap murid perlu mematuhi penjarakan fizikal 1 meter dalam setiap aktiviti. Guru bertugas mingguan pula perlu membuat saringan di hadapan pagar sekolah agar hanya murid yang sihat sahaja dibenarkan masuk ke dalam kawasan sekolah. Namun begitu, murid yang hadir dengan basikal atau berjalan kaki perlu diberi tempoh berehat sebelum suhu badan mereka diambil oleh guru bertugas. Selain itu, saringan tersebut juga boleh dibuat dalam kawasan sekolah jika keadaan hadapan pagar sekolah akan mengakibatkan kesesakan lalu lintas dan membahayakan keselamatan murid (KPM, 2020). Ketetapan yang dibuat oleh KPM ini adalah berdasarkan *maslahah* untuk memastikan kesihatan semua pihak terutamanya guru bertugas, ibu bapa/waris dan pelajar. Justeru, walaupun sedikit susah tetapi ia akan membawa kebaikan sebagaimana kaedah fekah yang masyhur iaitu المشقة تجلب

التيسير yang bermaksud kesukaran akan membawa kepada kemudahan. Kaedah ini juga bertepatan dengan kaedah fekah yang lain iaitu إذا ضاق الأمر اتسع وإذا اتسع ضاق yang bermaksud apabila sesuatu urusan itu sempit maka perkara tersebut akan menjadi lapang. Apabila lapang maka akan menjadi sempit kembali (al-Suyuti, 2018)

Selain itu, pelajar dikehendaki sentiasa membasuh tangan dengan sabun atau menggunakan pensanitasi tangan apabila memegang bahan bantu belajar yang diguna secara bersama oleh murid-murid yang lain. Saranan ini juga mempunyai *maslahah duniyawiyyah* iaitu memastikan pelajar terhindar daripada jangkitan Covid-19 (Al-Kabaysi, 2017). Sunnah nabawiyyah sangat menekankan aspek kebersihan luaran di samping kebersihan dalaman iaitu penyucian jiwa daripada sifat mazmumah. Rasulullah SAW bersabda:

وَإِذَا اسْتَيْقَظَ أَحَدُكُمْ مِنْ نَوْمِهِ فَلْيَغْسِلْ يَدَهُ قَبْلَ أَنْ يُدْخِلَهَا فِي وَضُوئِهِ فَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَا يَدْرِي أَيُّنَ بَاتَتْ يَدُهُ

Maksudnya: “apabila seseorang daripada kamu bangun daripada tidur maka basuhlah tangannya sebelum dia memasukkan tangan tersebut ke dalam bekas air. Maka sesungguhnya seseorang daripada kamu tidak mengetahui dimanakah tangannya menjalar ketika tidur. (Riwayat Bukhari)

Hadith ini menunjukkan kepentingan membasuh tangan kerana tangan adalah antara anggota badan yang mudah terdedah kepada kekotoran yang akan menyebabkan penyakit. Justeru itu, untuk mengelak daripada penyakit dan memastikan manusia sentiasa mendapat kemaslahatan iaitu tubuh badan sihat, tangan hendaklah sentiasa dibasuh. Berdasarkan garis panduan tersebut juga, pelajar tidak dibenarkan makan di kantin pada waktu rehat tetapi perlu makan di bilik darjah dengan pengawasan daripada guru. Pelajar tidak diwajibkan memakai pelitup muka jika dalam keadaan sihat. Namun murid yang mempunyai masalah berkaitan imuniti badan yang rendah seperti mengidap penyakit paru-paru yang kronik dan kencing manis perlu sentiasa memakai pelitup muka agar kesihatan mereka sentiasa terjamin (KPM, 2020). Garis panduan ini selari dengan kaedah *sad al-zarai'* iaitu menutup pintu-pintu yang boleh menyebabkan kerosakan. Pendedahan kepada penularan penyakit Covid-19 wajib dicegah lebih awal agar pelajar terbabit dalam mengekalkan kesihatan tubuh badan (al-Zuhayli, Wahbah 2004).

Ibu bapa/ penjaga Murid Berkeperluan Khas (MBK) perlu mengisi borang berkaitan tahap kesihatan MBK dan borang tersebut perlu diserahkan tiga hari sebelum bermula sesi persekolahan. MBK juga dibenarkan datang ke sekolah secara beperingkat dan waris boleh menemani mereka memasuki kawasan sekolah hingga ke kelas. Dalam pada itu, pihak sekolah juga akan menyediakan laluan khas kepada mereka bagi memudahkan pergerakan ke kelas. Bagi memastikan proses pendidikan tidak tergendala, pihak sekolah boleh meminjamkan peralatan sokongan pembelajaran seperti mesin *braille* dan *set cubarithm* kepada MBK kurang upaya penglihatan yang tidak boleh hadir ke sekolah disebabkan faktor kesihatan. Kapasiti maksimum untuk satu bilik darjah adalah tujuh orang sahaja agar tidak berlaku sentuhan badan antara MBK semasa PdP berlansung (KPM, 2020). Kesemua SOP ini bertujuan mencapai *maslahah kebassab* untuk MBK sahaja yang merupakan golongan minoriti berbanding pelajar arus perdana. Kebenaran khas ini tidak terpakai kepada

semua pelajar biasa yang normal dari segi pancaindera dan fizikal tubuh badan (Zuhayli, Muhammad, 2016)

Menurut KPM, kebenaran perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum murid prasekolah/ tadika/ tabika membawa bekalan makanan dari rumah. Perkara ini berbeza dengan murid sekolah rendah dan menengah yang digalakkan membawa makanan sendiri dari rumah. Garis panduan yang dikeluarkan ini bertujuan memelihara *maslahah* berkaitan nyawa iaitu gesaan menghindari penyakit melalui cara menjaga pemakanan. Murid prasekolah sangat memerlukan kepada makanan yang seimbang seperti protein, vitamin dan garam galian untuk tumbesaran mereka. Penjagaan kesihatan dan mengawal pemakanan seseorang pelajar perlu dimulakan dari awal. Ini kerana pemakanan atau perut perlu sekadarnya sahaja, sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

مَا مَلَأَ آدَمِيَّ وَعَاءٌ شَرًّا مِنْ بَطْنٍ بِحَسْبِ ابْنِ آدَمَ أَكْلَاتُ يُعْمَنُ صُلْبُهُ فَإِنْ كَانَ لَا مَحَالَةَ فَتُلْتُ لِطَعَامِهِ
وَتُلْتُ لِشَرَابِهِ وَتُلْتُ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: "Manusia tidak memenuhi wadah yang buruk melebihi perut, cukup bagi manusia beberapa suapan yang menegakkan tulang punggungnya, bila tidak mampu maka sepertiga untuk makanannya, sepertiga untuk minumannya dan sepertiga untuk nafasnya". (Riwayat Tirmizi, hadith Hasan Sohih)

Selain itu, guru dan Pembantu Pengurusan Murid perlu memakai pelitup muka apabila bersama-sama murid prasekolah. Aktiviti PdP luar bilik darjah juga dibenarkan dengan aktiviti dijalankan di persekitaran bilik darjah sahaja. Kelonggaran yang diberikan oleh KPM ini tidak bersifat mutlak. Kemudahan ini hanya sekadar memastikan murid prasekolah tidak bosan dalam menjalani PdP. Perkara ini selari dengan kaedah fekah *الضرورة تقدر بقدرها* yang bermaksud kemudahan itu diambil sekadarnya sahaja (al-Suyuti, 2018). Justeru itu, permaidani, tikar dan skirting meja juga perlu ditanggalkan sebelum sesi persekolahan bermula serta murid tidak boleh menggunakan alat permainan luar seperti papan gelongsor dan buaian (KPM, 2020).

Penggunaan surau sekolah dan bilik khas untuk solat hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh KPM. Pelajar hendaklah mematuhi penjarakan fizikal 1 meter semasa menunaikan solat berjemaah dan mereka tidak boleh bersalaman dengan rakan-rakan selepas solat. Penggiliran perlu dibuat jika kapasiti surau tidak mampu menampung keseluruhan pelajar setelah dibuat penjarakan sosial. Selain itu, mereka juga dikehendaki membawa sejadah dan telekung serta perkongsian barangan tersebut adalah tidak dibenarkan. KPM juga tidak membenarkan sebarang aktiviti melibatkan perhimpunan ramai seperti kuliah dan pengajian kitab serta ibadat korban dijalankan di surau sekolah. Walau bagaimanapun, aktiviti PdP boleh dijalankan oleh guru di surau dengan mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) (KPM, 2020).

Kebeneran berhubungan penggunaan surau adalah berdasarkan mencapai *maslahah* memelihara agama yang menjadi perkara asas dalam *maqasid al-syari'ah*. Pemeliharaan agama berlaku menerusi pengibadatan dan mengelak daripada pensyirikan ketika melakukan ibadat. Kawalan dan penjarakan semasa solat ini adalah selari untuk menjaga kesihatan pelajar sekolah, supaya pelajar

yang mungkin bergejala dapat dijarakkan. Ia sejajar dengan saranan Rasulullah SAW yang bersabda: Janganlah didatangkan yang sakit kepada yang sihat (Sahih al-Bukhari).

Larangan perhimpunan besar seperti mengadakan ibadat korban di surau sekolah adalah bertujuan memastikan *maslahab daruriyyah* melibatkan nyawa dapat dipelihara. Penganjuran ibadat korban juga mempunyai kebaikan tetapi kebaikan yang ingin dicapai pula hanya berada pada tingkatan *maslahab hajjiyyah* sahaja. Ini kerana menurut Izz al-Din Abd al-Salam (1996) amalan tersebut merupakan ibadat sunat muakkad yang menjadi syiar agama. Namun apabila berlaku pertembungan antara *maslahab daruriyyah* dan *hajjiyyah*, maka *maslahab daruriyyah* perlu diberi keutamaan. Ini kerana kepentingan *maslahab daurriyyah* adalah lebih besar berbanding kepentingan *maslahab hajjiyyah* (Muhammad Adnan Pitchan, Siti Nur Husna Abd Rahman dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, 2018).

6.0 KESIMPULAN DAN PENUTUP

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan perbincangan di atas, adalah garis panduan Pembukaan Semula Sekolah yang disediakan oleh KPM adalah berdasarkan *maslahab* seperti kaedah fekah تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة yang bermaksud “tindakan seorang ketua ke atas rakyat, berdasarkan kepada kemaslahatan”. Walaupun secara zahirnya, garis panduan tersebut memberi kesukaran kepada banyak pihak seperti pentadbir, guru-guru, waris dan pelajar tetapi hakikatnya terdapat pelbagai *maslahab* disebalik keputusan tersebut. Prinsip *maslahab* telah diaplikasikan dalam pembukaan semula sekolah. Norma-norma baharu yang perlu dipatuhi adalah tidak bercanggah dengan nas-nas sama ada daripada al-Qur’an atau al-Hadith. Sunnah nabawiyah sangat memberi penekanan kepada mengambil *maslahab* dalam setiap tindakan mukallaf agar kehidupan semua makhluk terpelihara dan terhindar daripada kebarang kemusnahan. Prinsip *maslahab* yang berada pada tingkatan tertinggi iaitu *maslahab daruriyyah* telah diaplikasikan dalam SOP tersebut. Begitu juga *maslahab dunyawiyyah* yang melibatkan aspek kebersihan diri dan kesihatan tubuh badan telah diaplikasikan dalam garis panduan tersebut. Selain itu, *maslahab khassah* yang melibatkan MBK juga telah diaplikasikan dalam garis panduan tersebut yang bertujuan memastikan pelajar tersebut dapat menuntut ilmu dalam keadaan selamat. Garis panduan tersebut juga telah mematuhi standard (*dawabit*) dalam beramal dengan prinsip *maslahab* yang telah ditetapkan oleh ulama usul al-fiqh. Oleh sebab itu, semua pihak wajib mematuhi garis panduan tersebut bagi memastikan keselamatan semua warga sekolah adalah terjamin terutama berkaitan kesihatan dan mereka dilindungi daripada jangkitan Covid-19. Justeru, norma baharu seperti pemeriksaan suhu badan, memakai pelitup muka, sentiasa membasuh tangan dan penjarakan sosial adalah bertujuan merealisasikan *maslahab* yang menjadi teras dalam pensyariatannya sesuatu hukum.

Rujukan

- ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam, Abi Muhammad (t.t), *Qawa'id al-Ahkam Fi Masalih al-Anam*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam, Abi Muhammad (1996), *al-Qawaid al-Sughra*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy’ath (t.t), *Sunan Abi Dawud*, Beirut: Dar al-Fikr
- al- ‘Asqalani, Ibn Hajar (t.t), *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, United Kingdom: Maktabah al-Salafiyah.
- al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma’il (2001), *Sahih al-Bukhari*, Kaherah, Dar al-Taqwa.
- al-Buti, Muhammad Sa’id Ramadan (1977), *Dawabit al-Maslahab fi al-Shari’ah al-Islamiyyah*, Beirut: Muassah al-Risalah

- al-Kabaysi, Sa'd Abd al-Rahman (2017), *Maqasid al-Shari'ah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam
- al-Khatib al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad bin Muhammad (2018), *al-Iqna' fi hal Alfaz Abi Syuja'*, Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid.
- al-Naisaburi, Muslim bin al-Hajjaj (2014), *Sabih Muslim*, Kaherah: Dar al-Ta'sil
- al-Raysuni, Ahmad (2014), *Mubadarat Fi Maqasid al-Shari'ah*, Kaherah: Dar al-Kalimah.
- al-Sabuni, Muhammad 'Ali (2002), *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah
- al-Shatibi, Abi Ishaq (2011), *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari'ah*, Kaherah, Dar al-Ghad Al-Hadid.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman (2018), *al-Asybab Wa al-Nazair Fi Qawa'id Wa Furu' Fiqh al-Shafi'yyah*, Kaherah, Dar al-Ghad al-Jadid.
- al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali (1973), *Nail al-Awtar Syarb Muntaqa al-Akbbar*, Beirut: Dar al-Jil.
- al-Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa (2001), *Sunan al-Tirmizi*, Beirut: Dar al-Fikr
- al-Zuhayli, Muhammad (2016), *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah li Ibn 'Asyur*, Damsyiq: Dar al-Qalam.
- al-Zuhayli, Wahbah (1986), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Beirut, Dar al-Fikr al-Mu'asir
- Ibn Manzur, Muhammad al-Masri (t.t), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Kenyataan Akhbar KKM Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Covid-19 di Malaysia, Retrieved from Laman Rasmi FB Kementerian Kesihatan Malaysia: <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/10157243869946237>, retrieved on 23 Julai 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Garis Panduan Pembukaan Semula Prasekolah
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Garis Panduan Pengoperasian Surau Sekolah
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Garis Panduan Pengurusan Murid Berkeperluan Khas
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Soalan Lazim (FAQ) Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bertarikh 3 Mei 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Soalan Lazim (FAQ) Berkaitan Garis Panduan Pembukaan Semula Prasekolah
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Soalan Lazim (FAQ) Berkaitan Dengan Pengurusan Asrama Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Soalan Lazim (FAQ) Berkaitan Dengan Pengoperasian Surau Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Soalan Lazim (FAQ) Berkaitan Dengan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Soalan Lazim (FAQ) Pengurusan Murid Berkeperluan Khas (MBK) Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Soalan Lazim (FAQ'S) Berkaitan Perlanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 2 Bertarikh 29 Mac 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Soalan Lazim (FAQ'S) Berkaitan Pelantar Pembelajaran KPM MOE-DL bertarikh 27 Mac 2020

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Soalan Lazim (FAQ'S) Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan bertarikh 18 Mac 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Surat Siaran bertajuk “Pelaksanaan Perhimpunan Sekolah Semasa Penularan penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia” bertarikh 13 Mac 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Surat Siaran bertajuk “Pemakluman Berhubung Kehadiran Guru ke Tempat Bertugas dan Persediaan Pembukaan Semula Sekolah” bertarikh 17 Jun 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Surat Siaran bertajuk “Pemakluman Mengenai Arahan kepada Guru Kembali ke Tempat Bertugas” bertarikh 4 Jun 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Surat Siaran bertajuk “*Standard Operating Procedure (SOP)* Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia” bertarikh 13 Mac 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Surat Siaran bilangan 5 tahun 2020 bertajuk “Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia” bertarikh 4 Jun 2020
- Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia, Pembukaan Semula Kelas Bukan Peperiksaan Bagi Sekolah Berasrama Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 9 Julai 2020
- Menteri Kanan Pendidikan (2020), Teks Ucapan “Pengumuman Tarikh Pembukaan Semula Sekolah” bertarikh 10 Jun 2020
- Muhammad Adnan Pitchan, Siti Nur Husna Abd Rahman dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2018). Teori al-Daruriyyat dan penggunaan Media Sosial: Saru Perbincangan Konsep. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 75-92
- Paizah Hj Ismail (2002), *Undang-undang Jenayah Islam*, Selangor: Tradisi Ilmu Sdn Bhd.
- Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Malaysia Mengenai Covid-19 bertarikh 16 Mac 2020
- Teks Ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bertarikh 7 Jun 2020
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2020), *Soal Jawab Fiqh Covid-19*, Putrajaya: Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)